



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Pensyariatan Ibadah Solat.”

Pada 15 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Encik Johari bin Abdul Aziz dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Nor Hafiz bin Sapari. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian ilmu, pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini saudara Muhammad Shahid bin Muhammad Shah, pelajar praktikal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Pensyariatan Ibadah Solat.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan membawa maksud bahawa solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan kepada orang beriman pada lima (5) waktu yang telah ditetapkan.

Antara hikmah solat dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, memuliakanNya serta menggugurkan dosa dan kita dapat memperbaharui perjanjian dengan Allah S.W.T.

Solat diwajibkan ke atas orang Islam, baligh, berakal, suci dari haid dan nifas. Syarat sah solat pula ialah suci daripada hadas besar dan hadas kecil, yakin masuk waktu solat, menutup aurat, bersih diri serta tempat ibadat dan mesti dilakukan dengan menghadap kiblat.

Rukun solat pula terbahagi kepada 3 iaitu Qalbi (Niat), Qauli (Sebutan) dan Fe’li (Perbuatan). Rukun Qauli bermula daripada takbiratulihram, membaca Al-Fatihah, membaca tahiyat akhir, selawat ke atas nabi dan memberi salam yang pertama. Rukun Fe’li ialah berdiri bagi yang mampu, rukuk serta tamakninah, iktidal serta tamakninah, sujud serta tamakninah, duduk antara dua sujud serta tamakninah, membaca tahiyat akhir dan tertib.

Doa agar keturunan kita rajin melakukan solat dari Surah Ibrahim, ayat 40 yang membawa maksud “Ya Tuhanku, jadikanlah aku dan zuriat keturunanku orang yang tetap melakukan solat, Ya Tuhanku perkenankanlah doaku.”

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

